

18 NOV 1996

Anwar-Pas

UMNO NAK TAHU MAKSUD PAS, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Umno ingin mengetahui maksud dan kedudukan sebenar Pas terhadap cadangan mengadakan kerajaan campuran di Kelantan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Beliau berkata, sepertimana dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ia tentulah sukar jika Pas mengenakan syarat-syarat tertentu.

"Tetapi sepertimana yang disebut oleh Presiden parti, semangat untuk bekerjasama itu ada dan kita ambil sikap terbuka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa pertukaran maklumat mengenai gas di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Semalam, Dr Mahathir berkata Umno boleh mengadakan kerjasama dengan Pas bagi membentuk kerajaan campuran di Kelantan tetapi parti itu tidak harus memaksa Umno mengikut kehendaknya.

Perdana Menteri juga berkata cadangan untuk mengadakan kerajaan campuran itu harus dikemukakan oleh Pas terlebih dahulu dan bukannya Umno.

"Sepertimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, pertama kita hendak tahu maksud mereka, kedudukan sebenar dan apakah syarat-syarat yang mereka kenakan.

"Sekiranya syarat-syarat dikenakan tentulah sukar," kata Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno.

Beliau mengulangi kenyataannya di Kota Kinabalu semalam bahawa Umno perlu berbincang pada peringkat parti itu sendiri mengenai cadangan berkenaan. -- BERNAMA

AZZ AKD